

HARTA SEPENCARIAN DISEBABKAN KEMATIAN DI MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA: SATU KAJIAN KES

Jamal Mohd Lokman bin Sulaiman
gudegi777@gmail.com

Mohd Al Adib bin Samuri
Mohd Nasran bin Mohamad
Noor Lizza Binti Mohamed Said

Institut Islam Hadhari, UKM

ABSTRAK

Harta sepencarian tidak pernah dinyatakan di dalam al Quran ataupun Hadis tetapi telah dijadikan sebagai satu peruntukan undang-undang di dalam statut Undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Sepertimana tuntutan harta sepencarian disebabkan perceraian dan poligami, undang-undang juga telah mengizinkan tuntutan harta sepencarian disebabkan kematian didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Syariah di Malaysia. Namun demikian, tidak ada sebarang peruntukan khusus di dalam statut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia sehingga menyebabkan tuntutan seumpama ini pernah dihalang dari dituntut di Mahkamah Syariah. Namun ianya telah berubah dewasa ini setelah Mahkamah Syariah membuka ruang untuk mendengar dan memutuskannya bersandarkan kepada beberapa Arahan Amalan yang telah dikeluarkan walaupun tidak terdapat satu peruntukan khusus di dalam statut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Kajian ini adalah berpandukan kepada kes-kes yang telah dilaporkan di dalam Jurnal Hukum dan juga kes-kes yang tidak dilaporkan dengan melihat kepada corak keputusan yang diberikan berpandukan kepada Alasan Penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah semasa memutuskan tuntutan seumpama ini. Cara pembuktian tuntutan harta sepencarian disebabkan kematian ini juga akan diberikan tumpuan dengan menitik beratkan corak sumbangsan yang diberikan oleh pihak-pihak. Kedudukan waris-waris juga akan diberikan perhatian samada waris-waris si mati boleh menuntut harta sepencarian bagi pihak yang telah meninggal dunia. Hasil dapatan kajian mendapati masih terdapat kelompongan undang-undang yang perlu diberikan perhatian bagi menjadikan tuntutan seumpama ini mendapat tempat yang khusus di dalam statut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.

Kata kunci : Harta sepencarian, Undang-undang Keluarga Islam, orang Islam, Mahkamah Syariah, Kematian salah satu pihak.

Pengenalan

Tuntutan harta sepencarian merupakan satu tuntutan yang diiktiraf di dalam statut undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Statut tersebut telah memberikan kuasa mutlak kepada Mahkamah Syariah di Malaysia untuk mendengar dan memutuskan tuntutan tersebut.

Selain daripada tuntutan harta sepencarian boleh dibuat disebabkan perceraian yang berlaku, undang-undang juga telah membenarkan tuntutan harta sepencarian dilakukan disebabkan perkahwinan poligami dan juga disebabkan kematian salah satu pihak.

Namun demikian, tuntutan harta sepencarian disebabkan kematian salah satu pihak mempunyai sedikit kelainan disebabkan tidak ada sebarang peruntukan khusus mengenainya di dalam mana-mana statut undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

Metodologi Kajian

Metod kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif. Reka bentuk kajiannya adalah berasaskan kepada analisis dokumen di mana ianya merangkumi kes-kes yang dilaporkan di dalam Jurnal Hukum, artikel-artikel, buku, statut negeri-negeri dan juga kes-kes yang tidak dilaporkan. Pengumpulan data juga dengan mengambil daripada bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku, kertas kerja dan sebagainya.

Latar Belakang Harta Sepencarian Di Malaysia

Harta sepencarian tidak pernah dibincangkan dan dibahaskan di dalam mana-mana kitab di negara timur tengah, oleh yang demikian ianya diyakini bahawa harta sepencarian tidak mempunyai peruntukan di dalam kitab suci al Quran dan hadis (Nor Faizah , Md. Yazid 2016)

Perbincangan harta sepencarian hanya berkisar di alam nusantara Melayu sahaja disebabkan pengamalan harta sepencarian ini merupakan warisan adat yang diamalkan secara turun temurun di alam nusantara Melayu.

Uniknya disini, harta sepencarian yang tidak terdapat didalam al Quran dan as Sunah ini telah dijadikan sebagai satu amalan yang diiktiraf oleh hukum syarak, malahan mendapat tempat yang ekslusif di dalam statut undang-undang keluarga Islam di Malaysia dari dahulu hingga kini.

Hakikatnya, harta sepencarian pada asalnya diamalkan oleh dua adat yang besar di alam Melayu iaitu Adat Perpatih dan juga Adat Temenggong, kedua adat ini amat menitik beratkan kedudukan pasangan suami isteri terutama sekali apabila berlakunya perceraian. Kedua adat ini akan mencari jalan penyelesaian yang amat baik bermatlamatkan menyelesaikan pertikaian harta tersebut secara adat setempat.

Perentingnya adat ini di dalam penyelesaian tuntutan harta sesudah perceraian dapat dilihat apabila pada 18 Januari 1907, Majlis Kerajaan Negeri Perak telah membuat pengisytiharan berikut:

“bahawa adat orang-orang Melayu di Perak dalam hal pembahagian harta sesudah perceraian, di mana harta itu diperolehi oleh pihak-pihak atau oleh salah seorang daripada mereka selama perkahwinan adalah dua bahagian bagi lelaki dan satu bahagian bagi perempuan dan pemberian-pemberian antara mereka tidak dapat dibatalkan baik selama perkahwinan maupun selepas perceraian (E.N Taylor 1937).

Setelah kemasukan Islam ke nusantara, terutama sekali Tanah Melayu, adat berkaitan dengan penyelesaian harta sepencarian itu telah menerima kemasukan ruh Islam dan akhirnya berpandukan kepada *al adah al muhakkamah*, harta sepencarian ini telah diterima sebagai satu amalan yang bersesuaian dengan hukum syarak.

Al adah al muhakkamah ini menjadi sandaran kepada konsep harta sepencarian yang diamalkan. Dengan kata lain, amalan adat yang dijalankan di dalam masyarakat itu boleh diteruskan asalkan tidak bercanggah dengan al Quran, Sunnah, ijmak dan qias (Hafiz, Norhusairi & Anuar 2014). Lebih-lebih lagi jika tuntutan dan pembahagiannya selaras dengan prinsip keadilan Islam (Zuhdi , Raihanah 1989).

Perjalanan harta sepencarian di Malaysia juga mempunyai sejarah yang begitu panjang yang akhirnya perjalanan itu telah menghasilkan satu statut yang diwartakan sebagai satu naskhah undang-undang harta sepencarian di Mahkamah Syariah serta telah mengalami beberapa perubahan dan pindaan bagi memantapkan lagi undang-undang yang berkaitan dengannya.

Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan, penyelesaian tuntutan harta sepencarian secara keseluruhannya masih diselesaikan di Mahkamah Sivil sehingga ke satu peringkat setelah kewujudan Mahkamah Syariah, tuntutan harta sepencarian boleh dituntut dan diselesaikan samada di Mahkamah Syariah ataupun Mahkamah Sivil.

Mahkamah Sivil yang terkenal dengan doktrin duluan mengikat telah menjadikan beberapa keputusan kes-kes sebelumnya sebagai panduan untuk menyelesaikan tuntutan harta sepencarian selepas itu, antara kes-kes terkenal yang menjadi rujukan mereka adalah seperti kes *Ramah lwn. Laton, Roberts lwn Umi Kalthom dan Boto' lwn Jaafar* (Norhusairi, Hafiz 2016).

Perkara ini berlanjutan sehingga tahun 1988 apabila Perlembagaan Persekutuan perkara 121 dipinda. Pindaan tersebut telah mewujudkan perkara 121 1(A) yang secara jelas memberi pengiktirafan kepada Mahkamah Syariah. Pindaan ini berkuatkuasa pada 10 Jun 1988 mengikut Akta 704. Ianya juga secara langsung mengiktiraf Mahkamah Syariah adalah sama taraf dengan Mahkamah Sivil dan keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah adalah mengikat dan Mahkamah Sivil tidak boleh campur tangan terhadap urusan Mahkamah Syariah yang hanya berhubung kait dengan hal ehwal orang-orang Islam sahaja.

Sebelum pindaan ini dibuat, mana-mana pihak yang berhasrat untuk membuat tuntutan harta sepencarian berhak membuat pilihan samada tuntutan tersebut didengar di Mahkamah Sivil ataupun Mahkamah Syariah (Suwaid 1996). Ini berlaku kerana sebelum tahun 1988, kedua-dua Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar pertikaian mengenai harta sepencarian orang Islam (Kamar Ainiah 2009).

Sebelum undang-undang harta sepencarian dikanunkan, Hakim Mahkamah Syariah pada ketika itu amat sulit untuk mencari asas undang-undang berkaitan dengan harta sepencarian (Ahmad Ibrahim 1999). Ini kerana tidak terdapat sebarang undang-undang yang di khususkan berkenaan dengan tuntutan harta sepencarian secara mendalam dan terperinci. Kebanyakkan keputusan-keputusan yang diberikan adalah bersandarkan kepada budi bicara Hakim itu sahaja.

Takrif Harta Sepencarian

Terdapat berbagai-bagai takrifan telah diberikan berkaitan dengan harta sepencarian ini, takrifan-takrifan itu diberikan oleh sarjana-sarjana samada dari barat ataupun tempatan. Oleh kerana tuntutan harta sepencarian ini berkait rapat dengan Mahkamah, takrifan juga telah dibuat samada oleh Hakim-hakim beragama Islam mahupun yang bukan beragama Islam, namun mereka bersepakat bahawa tuntutan harta sepencarian adalah berkisar keatas harta-harta yang diperolehi oleh pasangan suami isteri.

Salah seorang sarjana barat yang banyak mengkaji tentang sejarah kepulauan Melayu telah mentakrifkan harta sepencarian sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri dalam masa perkahwinan (MB Hooker 1976). Manakala sarjana-sarjana Islam pula mentakrifkan harta sepencarian sebagai harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan seorang suami dengan isterinya (Mohd Akhir 1984).

Hakim-hakim Inggeris misalnya telah memutuskan bahawa harta sepencarian adalah harta yang diperolehi oleh pihak-pihak atau oleh salah satu pihak selama perkahwinan (E.N Taylor 1937).

Hakim Briggs pula di dalam kes *Hajjah Lijah bt Jamal v Fatimah bt Mat Diah* [1950] MLJ 63 menyatakan harta sepencarian sebagai “*harta yang diperolehi semasa dalam perkahwinan dengan masing-masing suami isteri sama-sama menyumbang tenaga atau wang ringgit untuk mendapatkan harta*”.

Hakim-hakim Mahkamah sivil yang beragama Islam juga banyak memutuskan kes harta sepencarian berpandukan kepada adat, misalnya Hakim Raja Azlan Shah yang mengendalikan tuntutan harta sepencarian diantara *Roberts @ Kamaruzaman lwn Ummi Kalthom* [1981] 2 JH 82 dan [1966] 1 MLJ 163 juga telah memutuskan:

“*satu prinsip yang boleh didapati daripada kes-kes tersebut yang telah memutuskan bahawa harta sepencarian ialah adat Melayu dan dipakai hanya dalam kes di mana suami/isteri yang diceraikan menuntut dari isteri/suaminya dalam masa hidupnya; kaedah undang-undang itu adalah undang-undang tempatan yang mana Mahkamah hendaklah memberi pegiktirafan kehakiman dan menjadi tugas kepada Mahkamah mengisytiharkannya, lihat Ramah lwn Laton (1927) FMSLR 116. Memandang kepada autoriti yang begitu kuat, saya berpendapat bahawa telah dibuktikan dengan jelas apabila harta diperolehi selepas sesuatu perkahwinan dari sumber mereka bersama atau usaha bersama mereka, suatu anggapan ditimbulkan bahawa harta tersebut adalah harta sepencarian*”.

Tun Salleh Abas seorang Hakim Besar Malaya ketika memutuskan kes *Boto' bte Taha lwn Jaafar* [1985] 2 MLJ 98 telah menyatakan:

“*harta sepencarian tidak begitu bergantung kepada fiqh Islam, bahkan bergantung kepada adat yang diikuti oleh orang Melayu. Ia diamalkan di Indonesia dan harta-*

harta yang termasuk dibawahnya adalah dirujuk sebagai sharikah (Laton lwn Ramah)...

Manakala Hakim-hakim Mahkamah Syariah mentakrifkan harta sepencarian sepetimana yang telah terkandung dan termaktub di dalam undang-undang negeri masing-masing (Norhusairi,Hafiz 2016). Di dalam kes *Norzaleha binti Nawi lwn. Hadijah Kassim & lain-lain [2018] JH 46* telah mentakrifkan harta sepencarian seperti berikut:

“harta sepencarian ertinya harta yang diperoleh oleh suami dan isteri sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak”

Mahkamah Syariah mentafsirkan “*harta*” adalah berpandukan kepada tafsiran yang telah dibuat oleh statut undang-undang keluarga Islam ataupun pentadbiran negeri masing-masing iaitu semua harta alih dan harta tak alih. Takrifan ini telah menghasilkan pecahan-pecahan harta sepencarian seperti berikut:

1. Harta yang diperolehi oleh satu pihak atau secara bersama di dalam tempoh perkahwinan berlangsung
2. Harta yang diperolehi oleh satu pihak sebelum perkahwinan tetapi dimajukan setelah perkahwinan berlaku.

Peruntukan Undang-Undang Yang Mbenarkan Tuntutan Harta Sepencarian.

Tuntutan harta sepencarian disebabkan kematian yang melibatkan orang-orang Islam hanya boleh dituntut di Mahkamah Syariah sahaja dan ia adalah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah disebabkan ianya ada hubung kait dengan tuntutan harta sepencarian. Perkara ini jelas terdapat didalam seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 iaitu berkenaan dengan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah yang berbunyi:

61(1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Selangor dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan—

- (i) pertunangan, perkahwinan, ruju’, perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;*
- (ii)*
- (iii)*
- (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;*

Namun demikian, sepetimana yang dinyatakan sebelum ini, tidak ada sebarang statut di dalam undang-undang Keluarga Islam memperuntukan tuntutan harta sepencarian disebabkan

kematian boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah. Oleh sebab itulah, ada sesetengah negeri sebelum ini tidak mengamalkannya dan ada sesetengah negeri telah mengamalkannya.

Negeri Selangor misalnya, tuntutan seumpama ini pernah dihalang, halangan itu adalah berpandukan kepada Arahan Amalan 1 Tahun 2001, mesyuarat Hakim dan Pendaftar ke 38 (2/2001) pada 26 haribulan Mei 2001 antara lainnya telah memutuskan:

“tuntutan harta sepencarian akibat cerai mati tidak boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah Selangor kerana tiada peruntukan khusus di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 4 Tahun 1984.”

Namun demikian, Arahan Amalan ini telah dibatalkan melalui Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil: 1 Tahun 2003 dimana pekeliling tersebut adalah berbunyi:

“Mesyuarat Hakim-hakim Mahkamah Syariah Selangor ke 63 (3/2003) telah memutuskan harta sepencarian akibat kematian boleh didengar dan diputuskan berdasarkan seksyen 42 (2) (b) (iv) dan dibaca bersama dengan seksyen 43 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor No. 2 Tahun 1989 berkuatkuasa pada 1hb. Mei 2003 dan pekeliling 1/2001 dibatalkan”

Tuntutan harta sepencarian disebabkan kematian boleh dituntut di Mahkamah Syariah juga adalah berpandukan kepada Arahan Amalan No. 5 Tahun 2003 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang menyatakan tuntutan harta sepencarian juga boleh dituntut disebabkan kematian salah satu pihak.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bertarikh 18 April 2005 pula telah menfatwakan tuntutan harta sepencarian disebabkan kematian adalah dibolehkan. Fatwa tersebut menyatakan seperti berikut:

- a) Harta sepencarian selepas kematian salah satu pihak dalam perkahwinan di negeri Selangor boleh dibahagikan kepada suami dan isteri sebelum difaraidkan, termasuk selepas dilepaskan tanggungan suami.
- b) Pembahagian harta sepencarian tersebut hendaklah diberikan mengikut takat sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada kedua-dua pihak.
- c) Persetujuan pembahagian hendaklah dibuat melalui perintah Mahkamah.

Kebiasaannya setelah kematian, segala harta-harta yang ditinggalkan oleh si mati adalah merupakan harta pusaka dan terikat dengan pembahagian faraid. Namun demikian setelah melihat wujudnya usaha pihak yang satu lagi di dalam sumbangan memperolehi harta tersebut maka hukum syarak dan undang-undang telah membenarkan tuntutan harta sepencarian terlebih dahulu diselesaikan sebelum dibahagikan mengikut faraid.

Terdapat beberapa situasi dimana terdapat keperluan pihak-pihak untuk menuntut harta sepencarian sebelum dibahagikan secara faraid. Antara situasi tersebut adalah seperti berikut:

1. Seorang yang kematian suami yang tidak mempunyai cahaya mata, jika mengikut pembahagian faraid, keluarga arwah suami akan mewarisi jumlah yang paling banyak harta tersebut berbanding dengan balu si mati.
2. Seorang yang kematian suami yang mempunyai anak-anak perempuan sahaja dan situasinya adalah sama dengan situasi yang pertama itu apabila mengikut pembahagian faraid.

Pihak-Pihak Yang Terlibat Di Dalam Tuntutan Harta Sepencarian Disebabkan Kematian.

Pihak-pihak yang terlibat di dalam tuntutan ini adalah samada suami ataupun isteri sebagai pihak menuntut kerana ianya adalah hak mutlak mereka berdua (2010, Miszairi, Akmal Hidayah) ini adalah jelas terdapat di dalam seksyen 122 statut undang-undang Keluarga Islam. Jadi pihak-pihak lain tidak boleh mengambil tempat disisi undang-undang. Peruntukan tersebut adalah berbunyi:

“ harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak”.

Dan juga :

“ Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafadz talaq atau apabila membuat sesuatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu.....”

Pasangan yang menuntut itu juga hendaklah satu pasangan daripada perkahwinan yang sah disisi hukum syarak dan juga undang-undang keluarga Islam di Malaysia dan ianya adalah merupakan satu asas utama tuntutan harta sepencarian (Nur Shafiqqah, Zuliza 2016).

Ini memberikan gambaran bahawa perkahwinan yang belum didaftarkan di Malaysia, pasangan yang bercerai tersebut tidak boleh membuat apa-apa tuntutan harta sepencarian selagi mana pengesahan dan pendaftaran tidak berlaku.

Namun demikian, terdapat kes yang diputuskan membenarkan waris-waris kepada pihak-pihak tersebut menuntut harta sepencarian bagi pihak ibu atau bapa mereka yang telah meninggal dunia. Di dalam kes rayuan antara *Bukhari bin Mohd Noor lwn Aisyah Binti Ismail*, (2006) 1 JH 21, dimana Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan telah membenarkan perayu menuntut harta sepencarian arwah ayahnya Mohd Noor bin Kadir yang sekali gus membantalkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah sebelum ini yang menolak tuntutan perayu.

Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan juga telah membenarkan waris-waris si mati menuntut harta sepencarian bagi pihak si mati. Ini dapat dilihat di dalam kes *Che Gayah binti Che Omar & Lima Yang lain lwn Che Zawahil binti Che Omar dan Seorang Lain*, (2017) 1 JH 44 di mana perayu-perayu itu adalah merupakan anak-anak kandung kepada si mati yang menuntut harta

sepencarian bagi pihak ibu kandungnya dan harta tersebut adalah milikan sepanjang perkahwinan diantara ibu kandung mereka dengan si mati Che Omar bin Awang.

Keputusan rayuan ini juga dilihat sama dengan pandangan yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu iaitu Yang Arif Tuan Ahmad Din bin OKK Othman yang bersetuju ahli waris si mati boleh membuat tuntutan harta sepencarian bagi ibu bapa yang meninggal dunia sebelum pembahagian pusaka dilakukan (Nur Shafiqqah, Zuliza 2016).

Setelah tuntutan dikemukakan, waris-waris si mati adalah mengambil tempat sebagai Defendan. Waris-waris yang mengambil tempat sebagai Defendan itu mempunyai pilihan samada bersetuju dengan tuntutan yang dikemukakan oleh Plaintiff ataupun sebaliknya.

Di dalam kes Saman No: : 10300-017-0550-2014 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, diantara *Wan Fatimah Binti Wan A Rahman lwn. Nurul Ain Binti Mohamad Kamal dan lain-lain*, melalui perintah bertarikh 12 haribulan November 2014 jelas menunjukkan kesemua Defendan-defendant iaitu anak kandung Plaintiff telah bersetuju dengan segala tuntutan yang telah dikemukakan oleh Plaintiff untuk menuntut harta sepencarian arwah suaminya dan juga bapa kandung Defendan-defendant sebelum dibahagikan secara faraid.

Manakala didalam kes Saman No: 10100-017-0045 -2016 diantara *Siti Hawa binti Zakaria lwn. Mimi Suhaila binti Norbit dan Defendan-defendant lain* yang diputuskan pada 16 haribulan Februari 2017 oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam memperlihatkan Defendan pertama iaitu anak perempuan kandung seibu sebaik bersetuju dengan tuntutan Plaintiff manakala Defendan-Defendant lain yang merupakan anak tiri kepada Plaintiff tidak bersetuju dengan tuntutan harta sepencarian disebabkan kematian.

Prosiding Tuntutan

Tuntutan harta sepencarian akibat kematian ini hendaklah dilakukan secara saman dan juga penyata tuntutan dengan menamakan kesemua pihak-pihak yang terlibat bagi membolehkan pihak-pihak yang terlibat menghadirkan diri ke Mahkamah dengan menyatakan segala pendirian berhubung dengan tuntutan yang telah dikemukakan.

Manakala prosedur perjalanan perbicaraan adalah dilaksanakan sebagaimana tuntutan harta sepencarian disebabkan oleh perceraian (Miszairi, Akmal Hidayah 2010). Peruntukan yang dimaksudkan itu ialah seksyen 122 statut undang-undang keluarga Islam di Malaysia dengan tetap menitik beratkan faktor sumbangan pihak-pihak samada dalam bentuk sumbangan langsung ataupun tidak langsung.

Jika setelah penerimaan saman sempurna dilakukan kepada pihak-pihak yang terlibat dan pihak-pihak terlibat iaitu Defendan-Defendant menyatakan persetujuan dengan tuntutan yang dikemukakan, Mahkamah hanya merekodkan segala terma persetujuan itu dan jika Defendan-Defendant atau sebahagian Defendan tidak bersetuju dengan tuntutan itu, Mahkamah terpaksa menetapkan perbicaraan dan seterusnya keputusan akan dikeluarkan oleh Mahkamah.

Di dalam penyata tuntutan inilah Plaintiff menyatakan dengan jelas tuntutan yang dikemukakan dengan memperincikan harta-harta yang dituntut itu serta fakta tentang sumbangan langsung atau tidak langsung terhadap tuntutannya itu.

Tuntutan sepetimana yang diperuntukan oleh undang-undang jelas menunjukkan bahawa setiap tuntutan tersebut hendaklah mengandungi suatu penyataan tentang tuntutan yang hendak dibuat beserta dengan fakta-fakta yang menjadikan sandaran sesuatu tuntutan itu beserta dengan perintah-perintah yang dituntut dari Mahkamah. Ini adalah selaras dengan kehendak seksyen 63 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor 2003 yang menyatakan:

- 63 (1) Tiap-tiap pernyataan tuntutan hendaklah ditandatangani oleh plaintiff atau Peguam Syarienya dan hendaklah mengandungi –*
- (a) Suatu pernyataan yang ringkas lagi padat, dalam perenggan-perenggan yang bernombor, tentang fakta-fakta yang dijadikan sandaran oleh plaintiff dan menunjukkan kausa tindakannya, termasuk butir-butir mengenai apa-apa sifat khas yang atasnya plaintiff mendakwa, jika ada;*
 - (b) Butir-butir tuntutan yang mencukupi;*
 - (c) Suatu pernyataan tentang relief yang dituntut; dan*
 - (d) Butir-butir mengenai apa-apa permohonan lain.*

Setelah saman dan penyata tuntutan difailkan, pihak-pihak yang terlibat terlebih dahulu akan diwajibkan menghadirkan diri ke Majlis Sulh. Jika tidak ada persetujuan pihak-pihak setelah dilakukan Majlis Sulh, Mahkamah terpaksa mendengar dan memutuskan tuntutan itu melalui satu prosiding perbicaraan yang memerlukan segala pembuktian dikemukakan oleh Pihak Menuntut.

Cara Pembuktian Tuntutan Harta Sepencarian Disebabkan Kematian.

Semasa mengemukakan tuntutan di Mahkamah Syariah, Plaintiff hendaklah memastikan terlebih dahulu dengan tepat kewujudan harta yang dituntut itu dan perkara ini merupakan perkara asas yang akan diteliti oleh mahkamah. Di dalam kes *Embun binti Awang lwn. Melan binti Teh dan 3 yang lain* [2016] 1 JH 41 Hakim Bicara telah menyatakan di dalam alasan penghakimannya bahawa kewujudan harta itu merupakan satu elemen yang perlu diteliti oleh Mahkamah.

Ini bermaksud jika harta tersebut berbentuk harta tidak alih seperti tanah, rumah, bangunan, ladang atau sebagainya. Pemilikan kepada harta-harta itu hendaklah dipastikan melalui dokumen-dokumen pemilikan atau sebagainya dan begitu juga harta-harta alih seperti kenderaan, saham-saham, wang ringgit dan sebagainya juga adalah berpandukan kepada dokumen-dokumen yang mengesahkan tentang pemilikannya.

Cara pembuktian sumbangan tuntutan harta sepencarian akibat kematian adalah sama seperti tuntutan harta sepencarian disebabkan perceraian ataupun poligami. Beban pembuktian itu adalah terletak diatas pihak yang menuntut atau Plaintiff. Pembuktian itu samada melalui dokumen-dokumen yang membuktikan sumbangan yang telah dilakukan keatas harta yang dituntut ataupun pembuktian melalui saksi-saksi yang dibawa yang menyokong tuntutannya.

Faktor sumbangan langsung dan juga sumbangan tidak langsung Plaintiff menuntut merupakan faktor utama yang diambil kira oleh Mahkamah Syariah semasa membuat keputusan.

Plaintif wajar membuktikan kedua-dua faktor itu semasa perbicaraan dan kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tuntutannya dianggap sebagai gagal.

Sumbangan langsung seperti sumbangan wang ringgit atau tenaga bagi memperolehi harta-harta tersebut adalah berkait rapat dengan pemilikan harta-harta tak alih seperti rumah, tanah, bangunan dan sebagainya. Wang ringgit misalnya digunakan untuk pembelian dan urusan lain yang sama-sama disumbangkan oleh pihak-pihak dan Mahkamah akan melihat adakah sumbangan ini sama banyak ataupun ada satu pihak yang mempunyai sumbangan yang lebih dari satu pihak yang lain.

Di dalam kes *Ida Khatijah binti Arshad lwn. A. Rahman bin Isa*, (2015) 1 JH 40 , di mana Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu di dalam alasan penghakimannya menyatakan:

“sumbangan langsung hanya berlaku didalam kategori harta yang diperolehi dengan usaha bersama dalam bentuk dan sumbangan wang, harta atau kerja bagi memperolehi aset itu”.

Manakala sumbangan tidak langsung pula, melihat kepada penjagaan kebijakan keluarga dengan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga, ini memberikan kelebihan undang-undang kepada isteri-isteri yang tugasnya adalah sebagai suri rumah sepenuh masa.

Di dalam kes *Mohd Anuar bin Omar lwn Norafidah binti Ibrahim*, (2015) 2 JH 41, di mana Mahkamah Rayuan Syariah Selangor telah mengiktiraf sumbangan tidak langsung Responden sebagai satu faktor yang mewajarkan Responden memperolehi harta sepencarian selama tempoh perkahwinan pihak-pihak. Responden hanyalah sebagai suri rumah sepenuh masa yang kebanyakannya menjalankan tugasan seperti membasuh dan memasak untuk keluarga akan tetapi ianya adalah merupakan satu sumbangan tidak langsung seorang isteri yang mewajarkan memperolehi harta sepencarian setelah berlaku perceraian.

Cara pembuktian semasa perbicaraan adalah secara pembuktian melalui dokumen ataupun dengan saksi-saksi yang menyokong tuntutan itu. Pembuktian semasa perbicaraan ini menumpukan kepada 3 elemen yang penting iaitu pemerolehan harta tersebut semasa perkahwinan, sumbangan langsung dan juga sumbangan tidak langsung. Ketiga-tiga elemen ini jelas dititik beratkan oleh Mahkamah Rayuan semasa memutuskan kes *Norzaleha lwn Hadijah Kassim & lain-lain* [2018] 1 JH 46.

Jika pembuktian secara dokumen gagal untuk dikemukakan kepada mahkamah, dakwaan tersebut akan ditolak oleh Mahkamah. Didalam kes *Che Gayah binti Che Omar & Yang Lain lwn Che Zawahil binti Che Omar dan 1 yang lain* [2017] 1 JH 44, Mahkamah Rayuan Syariah telah menolak rayuan perayu keatas sebahagian rayuannya disebabkan tidak ada apa-apa dokumen yang menyokong dakwaan perayu tersebut.

Pembuktian secara saksi juga akan diambil kira oleh mahkamah bagi menyokong dakwaan pihak menuntut. Saksi yang dikemukakan itu hendaklah mengetahui dengan jelas perihal tuntutan yang dikemukakan. Di dalam kes rayuan antara *Norzaleha binti Nawi lwn. Hadijah Kassim & lain-lain* [2018] 1 JH 46, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan telah mengambil kira

keterangan saksi-saksi di dalam membuat keputusan dengan mengiktiraf pandangan yang telah diberikan oleh Hakim Bicara sebelum ini.

Jelas di sini bahawa kedua-dua unsur pembuktian itu merupakan elemen penting membuktikan sumbangan langsung dan tidak langsung pihak-pihak bagi mewajarkan tuntutan harta sepencarian yang dikemukakan ke Mahkamah. Tanpa adanya kedua-dua unsur ini, amat sukar untuk Mahkamah menentukan takat sumbangan masing-masing.

Kesimpulan

Tuntutan harta sepencarian disebabkan kematian sememangnya tiada sebarang peruntukan khusus di dalam mana-mana statut Keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia namun ianya dibenarkan untuk didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Elemen sumbangan langsung dan tidak langsung amatlah dititik beratkan oleh Mahkamah Syariah bagi menentukan bahagian yang akan diperolehi oleh pihak-pihak. Sumbangan-sumbangan itu boleh dibuktikan samada secara dokumentasi ataupun dengan kehadiran saksi-saksi bagi pihak-pihak.

RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim (1999) *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal
- E.N Taylor (1937) *Malay Family Law*, Journal of the Royal Asiatic Society. Malayan Branch.
- Kamar Ainiah Kamaruzaman (2009) *Pemakaian Hukum Harta Sepencarian Dalam Mahkamah, undang-undang Harta dan Amanah*, ed. Akmal Hidayah Halim, et al (Gombak: Jabatan Undang-undang Islam , Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, UIA).
- MB Hooker (1976) *Personal Laws of Malaysia*, Oxford University Press .
- Mohd Akhir Hj. Yaacob (1984) *Harta Sepencarian*, Jurnal Hukum 5:1 , Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Mohd Hafiz Jamaludin, Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Anuar Ramli (2014) “*Pemakaian instrument Istihsan dengan Urf dalam amalan Pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia* , Ulum Islamiyah Journal USIM.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azahari (1989) *Undang-undang Keluarga Islam : Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur :Karya Abazie
- Miszairi Hj Sitiris & Akmal Hidayah Halim (2010) *Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Kes Kematian*, 22 Kanun 1, DBP.
- Nor Faizah Zakaria dan Md. Yazid Ahmad (2016) , *Analisis Literatur Berhubung Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Poligami*, Prosiding Kolokium Antarabangsa Pengajian Islam , Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Shafiqqah Mudran & Zuliza Mohd Kusrin, (2016) *Tuntutan Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah Sabah*, Isu Syariah dan Undang-undang Siri 22, FPI, UKM
- Suwaid Tapah (1996), *Elemen Sumbangan Dalam Amalan Pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia, dalam Monograf Syariah*, Kuala Lumpur: Fakulti Syariah, Akademi Islam.

Statut

Perlembagaan Malaysia
Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003
Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003
Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor 2003

Jurnal

- [1950] Malayan Law Journal 63
- [1966] 1 Malayan Law Journal 163
- [1985] 2 Malayan Law Journal 98

Kes-Kes

- Bukhari bin Mohd Noor lwn Aisyah Binti Ismail* (2006) 1 JH 21.
- Boto' bte Taha lwn Jaafar* [1985] 2 MLJ 98
- Che Gayah binti Che Omar & Lima Yang lain lwn Che Zawahil binti Che Omar dan Seorang Lain*,
(2017) 1 JH 44
- Embun binti Awang lwn Melan binti Teh dan 3 yang lain* [2016] 1 JH 41
- Hajjah Lijah bt Jamal v Fatimah bt Mat Diah* [1950] MLJ 63
- M.Razali bin Ibrahim lwn. Adnan bin Shafie & 5 yang lain*, Rayuan No: 10000-017-0121-2017
- Roberts @ Kamaruzaman lwn Ummi Kalthom* [1981] 2 JH 82 dan [1966] 1 MLJ 163
- Ida Khatijah binti Arshad lwn. A. Rahman bin Isa* (2015) 1 JH 40
- Mohd Anuar bin Omar lwn Norafidah binti Ibrahim* (2015) 2 JH 41
- Norzaleha binti Nawi lwn. Hadijah Kassim & lain-lain* [2018] 1 JH 46
- Siti Hawa binti Zakaria lwn. Mimi Suhaila binti Norbit*, Saman No: 10100-017-0045 -2016
Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.
- Wan Fatimah Binti Wan A Rahman lwn. Nurul Ain Binti Mohamad Kamal dan lain-lain Saman*
No: 10300-017-0550-2014 Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.